



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/3/2021	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PBAPP guna sistem tenaga solar jimatkan kos elektrik

GEORGETOWN - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menggunakan sistem tenaga solar untuk menggantikan penggunaan elektrik di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumar dalam usaha menjimatkan kos.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa berkata, pihaknya berjaya mengurangkan bil elektrik dengan purata RM22,811 sebulan untuk tempoh enam bulan.

Menurutnya, susulan pengoperasian sistem berkenaan sejak 31 Julai tahun lalu, kos elektrik PBAPP turun sebanyak RM136,868 untuk tempoh Ogos 2020 hingga Januari tahun ini.

“Sistem tenaga solar 1.5 MWp (Megawatt puncak) ini dipasang oleh syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang, PSB Energy Sdn Bhd (PSB) tanpa sebarang kos. Susulan penggunaan sistem tenaga solar ini, penjimatan kos yang diunjurkan untuk setahun adalah RM273,732.

“PBAPP menandatangani perjanjian dengan PSB untuk

membayar tarif solar sebanyak RM0.305/kWh bagi tempoh 25 tahun. PSB juga bertanggungjawab untuk menyelenggarakan sistem sepanjang tempoh perjanjian.

“Tarif solar ini lebih rendah daripada tarif komersial yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB),” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Jaseni berkata, sebanyak 4,586 panel solar fotovoltaik telah dipasang di atas kolam air Bukit Dumar R2 dan R3 yang tertutup.

“Panel-panel ini mengubah tenaga solar menjadi elektrik yang disalurkan ke transformer peningkatan kuasa 415V/11kV. Selepas proses itu, elektrik diagihkan ke dalam sistem bekalan kuasa untuk digunakan oleh Rumah Pam Bukit Dumar 1 dan Bukit Dumar 2.

“Dengan cara ini, elektrik yang dijana dari sistem tenaga solar di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumar itu digunakan untuk operasi mengepam air terawat 24 jam seminggu,” katanya.



PBAPP memasang sistem tenaga solar di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumar dalam usaha menjimatkan kos elektrik.